

# 1,355 tahanan imigresen kena COVID-19

**Seramai** 1,355 tahanan di Depoh Tahanan Imigresen (DPI) Jabatan Imigresen Malaysia disahkan positif COVID-19 setakat kelmarin.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said, berkata berdasarkan statistik sejak 29 Ogos lalu, DPI Bukit Jalil mencatatkan jumlah positif COVID-19 paling ramai, iaitu 650 tahanan.

“Dalam tempoh sama juga, DPI Langkap mencatatkan jumlah tahanan positif COVID-19 seramai 481 orang diikuti DPI Semenyih (127), DPI KLIA (77) dan baki 20 tahanan lagi di DPI Belantik, Putrajaya, Lenggeng dan Juru.

“Bagi statistik banduan di penjara pula, daripada 60,583 orang yang disaring bermula 29 Ogos hingga semalam (kelmarin), seramai 829 disahkan positif,” katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Dr Lee Boon Chye (PH-Gopeng) yang meminta Kementerian Dalam Negeri menyatakan jumlah pesakit COVID-19 babit penghuni penjara dan tahanan imigresen.